

**Penganjur BERSIH Dinasihati Tidak Campur Aduk Politik, Sambutan Kemerdekaan Bernama
10 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar menasihatkan penganjur 'Himpunan Janji BERSIH' yang dijadual berhimpun di Dataran Merdeka pada 30 Ogos ini agar tidak mencampuradukkan sambutan Hari Kemerdekaan dengan politik.

Beliau turut mengingatkan penganjur perhimpunan itu agar mematuhi undang-undang negara ini. "Saya lihat satu sahaja, kemerdekaan ialah perkara yang bersangkutan paut dengan rakyat. Rakyat akan bergembira sambut kemerdekaan negara yang ke-55, jadi janganlah jadikan ia satu isu politik.

"Sama ada kita nak berkumpul ke, pandu kereta atau buat ucapan sekalipun, semua ada undang-undang, dan kita semua perlulah ikut undang-undang yang sudah termaktub di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan 'Op Selamat' sempena Aidilfitri di Dataran Shah Alam.

Ismail berkata demikian ketika diminta mengulas perhimpunan yang dijadual diadakan di Dataran Merdeka pada 30 Ogos sempena sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687326>